

## Amber Merit Pila

TANOT UNJAH<sup>1</sup>, IBRAHIM KOMOO<sup>1</sup> DAN DANA BADANG<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

<sup>2</sup>Jabatan Mineral dan Geosains Sarawak

Amber Merit Pila dijumpai bersama-sama lapisan arang batu di dalam batuan sedimen Formasi Nyalau. Pada masa ini arang batu sedang dilombong dan amber telah dikeluarkan sebagai bahan sisa perlombongan. Amber Merit Pila merupakan satu-satunya lokaliti jumpaan amber yang bermakna. Kehadiran amber menunjukkan kepelbagaian yang tinggi, khususnya daripada aspek saiz, warna dan tekstur dalaman. Satu daripada amber seberat 23 kg telah dikeluarkan daripada lombong ini dipercayai yang terbesar di dunia. Amber Merit Pila bernilai warisan tinggi, terutamanya daripada perspektif saintifik dan estetik. Satu bentuk pemuliharaan berinovatif perlu diperkenalkan untuk menghindar kita dan generasi akan datang kehilangan sumber warisan negara yang unggul ini.

*Merit Pila amber was formed together within a layer of coal in the Nyalau Formation. At present, as the coal is being mined, the amber is being extracted as a waste by-product. Merit Pila amber is an extremely significant discovery. The presence of the amber underlines its high diversity, specifically from the perspective of size, colour and internal texture. One of the ambers which has been extracted weighs 23 kg, believed to be the biggest in the world. As a heritage, Merit Pila amber has tremendous heritage value, especially from the scientific and aesthetic perspective. An innovative conservation method has to be developed to ensue that we and future generations will not be deprived of this unique earth heritage.*